

# Proton sedia bina kilang di Chile

B.H. 14 NOV 1992

Oleh Kamal Ahmad

SUBANG, . Jumaat — Perusahaan Otomobil Nasional (Proton), yang berjaya meneroka pasaran di beberapa negara Eropah, meneliti kemungkinan membuka sebuah kilang memasang kereta **Proton Saga** pertama di luar negara untuk dipasarkan di negara-negara Amerika Latin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kilang itu mungkin dibina di Chile, yang akan menjadi negara perantara untuk dijual ke negara-negara pembeli.

"Malaysia bercadang membina kilang memasang Proton **Saga** di Chile untuk pasaran negara itu serta negara Amerika Latin yang mempunyai perjanjian penghapusan cukai dengan Chile," katanya.

Menurut Perdana Menteri, kilang itu akan didirikan secara usahasama dengan mengutamakan bahan dari Chile.

"Kita mungkin memikirkan cara usahasama di Chile sekurang-kurangnya untuk memasang **Proton Saga** atau menggunakan bahan daripada negara itu untuk kereta yang sama," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas mengucapkan selamat tinggal kepada Presiden Chile, Patricio Aylwin Azocar dan rombongannya yang berlepas pulang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini, hari ini.

Presiden Aylwin dan rombongan datang negara itu mengadakan lawatan rasmi empat hari ke Malaysia, sejak Selasa lalu.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, buat sementara waktu, **Proton Saga** akan mengeluarkan kereta yang memenuhi keperluan Chile seperti menggunakan stering di sebelah kiri.

"Kita juga harus memahami sistem cukai di Chile supaya **Proton Saga** boleh diimport ke negara itu dengan harga berpatutan.

"Di samping itu, untuk mengeksport **Proton Saga** dari Chile ke beberapa negara yang mempunyai perjanjian penghapusan cukai dengan Chile, kita mungkin memikirkan cara mengadakan usahasama dengan Chile, sekurang-kurangnya memasang **Proton** ataupun menggunakan bahan daripada negara itu," katanya.

Semalam, Presiden Aylwin berkata, Chile berminat menjalankan usahasama di bidang pengeluaran kereta dengan Proton.

Katanya, kerjasama di bidang teknikal itu turut membabitkan pengeluaran alat ganti yang menguntungkan, berikutan permintaan tinggi di Amerika Latin.

Sehubungan itu, beliau mengalu-alukan kepakaran teknikal Malaysia untuk melabur di benua itu yang menyediakan pasaran kepada lebih 300 juta penduduk.

Dr Mahathir juga berkata pelabur Malaysia juga akan meneroka sektor perlombongan emas dan tembaga yang sangat pesat di negara itu.

Menjawab soal lain, Dr Mahathir berkata, Malaysia akan memberitahu

LIHAT MUKA 2

# Lawatan sangat berkesan

B.H. 14 NOV 1992

## DARI MUKA 1

negara anggota Asean mengenai keperluan mengadakan rundingan dan pertemuan dengan pemimpin negara Kumpulan Rio mengenai hubungan dagangan serta diplomatik.

Perdana Menteri berkata, lawatan Presiden Alywin sangat berkesan kerana beliau serta rombongan dagangnya berpeluang melibati sendiri kea-

daan serta potensi pelaburan di Malaysia yang turut mempunyai pelbagai kemudahan penyelidikan.

"Banyak peluang perniagaan dan usahasama di Malaysia yang pada mulanya dianggap tidak ada, sehingga pelabur mereka lebih tertunnu di Hone; Kong, Taiwan, Korea dan Jepun apabila berurusan di sebelah Timur.

"Kali ini mereka kagum dengan pembangunan

dan kepesatan ekonomi Malaysia sehingga Presiden Alywin mengarahkan wakil mereka di keempat-empat negara itu supaya ke sini," katanya.

Selain itu, kata Dr Mahathir, persetujuan Chile menyertai Pusat Pertukaran Data Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi (SITTDEC) untuk memudahkan urusan pasaran, pelaburan serta usahasama di kalangan usahawan ke dua-dua negara.